

MAJLIS PENUTUP KURSUS PENGACARA MAJLIS UNTUK KURSUS JUNIOR OFFICER COURSE SIRI 3/17

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1792-majlis-penutup-kursus-pengacara-majlis-untuk-kursus-junior-officer-course-siri-3-17

TANJUNG BUNGAH, 13 Apr 17 - Leadership Development & Management Institute (LDMI) TUDM telah mengadakan Majlis Penutup Kursus Pengacara Majlis bagi Peserta-peserta Kursus Junior Officer siri 3/17. Kursus ini telah diadakan sebagai salah satu modul yang terdapat di dalam kursus Junior Officer Course.

Kursus ini memberi pendedahan tentang pengenalan sistem audio, suara, kaedah interaksi bersama audien, pengacara studio, penulisan skrip, suara latar, dan pengacaraan majlis. Pensyarah jemputan untuk kursus ini ialah Mej (B) Halimi Kalil dan Mej (B) Adam Malik dari Akademi Suara Kristal. Pegawai Memerintah Leadership Development & Management Institute (LDMI) TUDM, Lt Kol Mohd Safiee bin Mohd Yusof TUDM telah menyampaikan sijil-sijil kepada penuntut kursus.

